

# Pertandingan satu lawan satu tiada kesan kepada BN — Dr. M

22 NOV 1999

Oleh  
MOHD. KAMIL YUSUFF

JITRA 21 Nov. — Pertandingan satu lawan satu di kebanyakan kawasan Parlimen dan Dewan Undangan Negeri pada pilihan raya umum ke-10 kali ini tidak akan memberi sebarang kesan negatif kepada Barisan Nasional (BN), kata Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Sebaliknya, Perdana Menteri yang juga Pengerusi BN yakin parti itu akan mencapai kejayaan lebih besar pada pilihan raya kali ini kerana kemenangan sebelum ini tidak ada kaitan dengan pertandingan satu lawan satu atau tiga penjur.

Katanya, kemenangan BN dalam semua pilihan raya lalu bukan kerana parti pembangkang tidak berpakat tetapi disebabkan kepercayaan rakyat terhadap kewibawaan BN menerajui negara.

"Saya tidak nampak sebarang kesan. Kita menang selalu sebelum ini. Kita menang bukan kerana dua atau tiga penjur," katanya kepada pemberita selepas mengadakan perjumpaan dengan warga tentera di Kem Tok Jalai, Kepala Batas dekat sini, petang ini.

Dr. Mahathir berkata demikian ketika diminta meng-

ulas senario pilihan raya umum kali ini yang menyaksikan pertandingan satu lawan satu antara calon BN dengan calon pakatan pembangkang di hampir semua kawasan di seluruh negara.

Pertandingan itu berlaku apabila parti-parti pembangkang yang terdiri daripada Pas, DAP, Parti Keadilan Nasional (Keadilan) dan Parti Rakyat Malaysia membentuk pakatan untuk menentang BN.

Senario pertandingan seumpama ini dikatakan pertama kali berlaku dalam sejarah pilihan raya tanah air sejak merdeka.

Mengulas lanjut, Dr. Mahathir berkata, berdasarkan keputusan pilihan raya sebelum ini, bilangan majoriti yang dimenangi oleh BN jauh lebih besar berbanding jumlah bilangan undi yang dimenangi oleh parti pembangkang.

"Bilangan undi parti lawan selalunya kurang daripada kita bila dicampur-campurkan," jelasnya sambil melahirkan rasa yakin BN akan mencapai kemenangan pada pilihan raya ini.

Ditanya mengenai tindakan yang akan diambil oleh BN sekiranya Parti Gerakan Rakyat Malaysia (Gerakan) gagal menunjukkan prestasi terbaik di Pulau Pinang pada

pilihan raya kali ini, Dr. Mahathir menjelaskan perkara itu belum dibincangkan pada masa ini.

Bagaimanapun, katanya, UMNO tidak berhasrat untuk mengambil alih negeri itu daripada Gerakan jika parti komponen BN itu merosot prestasinya.

"Kalau prestasinya baik, kita (BN) tidak akan tukar. Kita bukan hendak berebut kuasa. Itu bukan cara kita. Pernah sekali dulu, Gerakan tidak dapat banyak kerusi berbanding UMNO tetapi UMNO tidak ambil (Pulau Pinang)," katanya.

Mengulas mengenai tindakan Setiausaha Agung DAP, Lim Kit Siang berpindah dari Parlimen Tanjong ke Parlimen Bukit Bendera pada pilihan raya kali ini, Perdana Menteri menyifatkan pemimpin pembangkang itu sebagai penakut.

Dr. Mahathir berkata, Ketua Pembangkang itu sebenarnya hendak 'lari' dari kawasan Parlimen asalnya iaitu Tanjong kerana tidak mahu meneruskan projek Tanjongnya.

Jelasnya, projek Tanjong yang bermula dari satu hingga tiga yang dilancarkan pada pilihan raya lalu tidak memberi kesan positif kepada parti berkenaan.